

# Malaysia terus tarik minat pelabur China

**Kerjasama tingkatkan peranan negara dalam sektor berteknologi tinggi**

Daripada Qistina Sallehuddin

bhnews@bh.com.my

di Shanghai



Anwar bertemu Li Qiang di The Grand Halls, Shanghai, sempena lawatannya ke China, kelmarin. (Foto bernama)

Minat pelabur dari China untuk melabur di Malaysia, menunjukkan peningkatan yang ketara, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Selepas sehari mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan pelabur berpotensi di Shanghai, Perdana Menteri menyifatkan perkembangan itu sebagai positif untuk menarik pelabur dari negara berkenaan.

"Pada hari ini, bersama menteri, saya menumpukan perhatian pada hal-hal pelaburan. Perbincangan, sama ada secara satu-satu atau berkumpulan, tertumpu pada dasar kami, persekitaran kawal selia untuk pelaburan dan isu-isu yang timbul.

"Saya juga melihat adanya peningkatan minat dan kecenderungan dari China, yang menjadi satu perkembangan sangat positif.

"Walaupun agak meletihkan dengan mesyuarat berterusan sejak pagi, saya percaya ia adalah usaha yang berbaloi," katanya ketika ditemui media Malaysia selepas sesi meja bulat bersama 24 pemimpin industri China."

Ditanya mengenai jumlah pelaburan yang dijangka dari pelabur berpotensi, Anwar berkata, hal berkenaan akan diumumkan hari ini.

Anwar memulakan hari ketiga

lawatannya ke Shanghai pagi semalam dengan menyertai sesi dialog yang dianjurkan Khazanah Nasional Bhd (Khazanah).

Sesi itu menghimpunkan dua pelabur China, termasuk wakil dari Chengwei Capital, sebuah firma modal teroka terkemuka yang memiliki kepakaran dan sumber unik dalam industri semikonduktor global.

#### Bertemu wakil NRL Capital

Beliau juga bertemu dengan wakil dari NRL Capital, sebuah syarikat sains dan kejuruteraan yang diasaskan oleh individu-individu yang berperanan penting dalam pembangunan kluster industri berteknologi tinggi di seluruh China.

Dalam pertemuan terbabit, kerjasama berpotensi dalam pelaburan teknologi dan inovasi di Malaysia turut diterokai bersama para pelabur.

Para pelabur dijangka akan bekerjasama dengan Khazanah untuk membangunkan syarikat Malaysia generasi akan datang dan meningkatkan peranan Malaysia dalam rantaian bekalan global,

khususnya dalam sektor berteknologi tinggi.

Pada masa sama, Anwar turut mengadakan mesyuarat perniagaan tertutup dengan beberapa syarikat China dari sektor perbankan, tenaga, dan kimia.

Ini termasuk Bank of China; SinoChem; SICC Co; SEMCORP dan Zhejiang Jiahua Energy Chemical Industry Co.

Dari Shanghai, Anwar kemudian berlepas ke Beijing petang semalam untuk melawat Pusat Taklimat Eksekutif Huawei, sebelum mengadakan kunjungan hormat bersama Presiden Xi Jinping yang dijadualkan berlangsung hari ini.

Beliau diiringi Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan; Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz dan Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong.

Lawatan kerja Perdana Menteri ke China adalah atas jemputan rakan sejawatannya Li Qiang untuk menghadiri Ekspo Import Antarabangsa China ke-7 (CIIE ke-7) di sini.